

# INTEGRITI

3 JANUARI 2025 | 3 REJAB 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Pada hari Jumaat tahun baharu 2025 yang penuh keberkatan ini, khatib mengajak kaum muslimin sekalian untuk menghayati kepentingan salah satu nilai utama yang menjadi asas kestabilan

sesebuah masyarakat dan negara. Nilai yang dimaksudkan tersebut adalah integriti. Integriti boleh ditakrifkan sebagai kejujuran atau ketulusan. Berintegriti bermaksud mempunyai sifat jujur, amanah dan tidak melakukan sebarang penyelewengan khususnya dalam tugas atau tanggungjawab yang dipikul. Integriti juga difahami sebagai keselarasan di antara tindakan dengan prinsip akhlak, etika dan undang-undang; serta keselarasan di antara kepentingan diri dan kepentingan umum.

Nilai integriti amat ditekankan dalam Islam. Sebab itu, banyak sekali ayat al-Quran dan hadis menekankan sifat amanah atau jujur. Salah satunya adalah firman Allah Taala dalam Surah al-Nisa' ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ

أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara*

*manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”*

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah Azza wa Jalla memerintahkan agar amanah dijaga dengan sebaiknya dan diserahkan kepada orang yang selayaknya. Menurut Imam al-Tabari, ayat ini ditujukan kepada para pemimpin atau pemegang kekuasaan untuk menjaga amanah yang telah diberikan.

Amanah dan integriti adalah salah satu sifat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sebelum dilantik menjadi Rasul lagi, Baginda telah dikenali sebagai al-Amin iaitu orang yang sangat dipercayai. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menekankan bahawa orang yang tidak berintegriti adalah orang yang tidak sempurna imannya. Sabda Baginda dalam sebuah hadis riwayat Imam Ibnu Hibban:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

**Yang bermaksud:** *“Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak setia terhadap janjinya.”*

Perbuatan tidak berintegriti bukan sahaja boleh mencemarkan nama baik individu, jabatan atau institusi, malah juga boleh merosakkan negara. Antara contoh hilangnya integriti ialah seorang pekerja yang tidak amanah dengan masa kerjanya seperti tiada di pejabat dalam waktu kerja, culas, malas, melepak atau bersembang di warung-warung kopi.

Contoh yang lain adalah pekerja yang tidak menjalankan tugasnya dengan baik, salahguna aset milik jabatan atau syarikat, salahguna kuasa untuk kepentingan diri, pekerja yang menipu, membuat tuntutan palsu, menggelapkan wang, menerima rasuah, tidak bersikap adil, bersikap berat sebelah atau pilih kasih dan sebagainya. Ini semua adalah sebahagian contoh perbuatan tidak berintegriti yang melambangkan lemahnya iman. Perbuatan-perbuatan ini adalah haram lagi berdosa di sisi Islam dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Ingatlah keberkatan rezeki akan hilang jika kita memperolehinya secara tidak jujur atau culas dalam pekerjaan, bahkan ia boleh

menjadi sumber yang haram sekiranya pendapatan yang diperolehi tanpa melakukan pekerjaan yang diamanahkan.

Allah Azza wa Jalla berfirman dalam Surah al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

**Yang bermaksud:** *“Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).”*

Ayat ini mengingatkan kita agar tidak sekali-kali mengkhianati kepercayaan yang diberikan, sama ada dalam hubungan dengan Allah Taala, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mahupun sesama manusia.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Sikap amanah dan jujur perlu dipupuk dalam keluarga terutamanya kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi. Didiklah anak-anak kecil bahawa semua orang mesti berlaku jujur dalam percakapan dan perbuatannya. Jangan menipu, jangan mencuri dan jangan mengambil hak orang lain tanpa izin.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad Radiallahu Anhu yang bermaksud:

*“Hendaklah kalian selalu berlaku jujur, kerana kejujuran membawa kepada kebaikan, dan kebaikan menghantar seseorang ke Syurga. Dan apabila seseorang selalu berlaku jujur dan tetap memilih jujur, maka akan dicatat di sisi Allah sebagai orang yang jujur. Dan jauhilah oleh kalian berbuat dusta, kerana dusta membawa seseorang kepada kejahatan, dan kejahatan menghantar seseorang ke neraka. Dan jika seseorang sentiasa berdusta dan memilih kedustaan maka akan dicatat di sisi Allah sebagai pendusta (pembohong).”*

### **Sidang Jumaat yang berbahagia.**

Daripada khutbah pada hari ini dapatlah disimpulkan bahawa:

**Pertama**, integriti ialah keselarasan di antara tindakan dengan prinsip akhlak, etika dan undang-undang; serta keselarasan di antara kepentingan diri dan kepentingan umum.

**Kedua**, tanamlah sifat amanah, jujur dan tulus dalam melaksanakan tanggungjawab. Ia adalah perintah agama yang banyak disebut dalam al-Quran dan Hadis serta suatu sifat mulia yang dimiliki oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

**Ketiga**, didiklah ahli keluarga khususnya anak-anak sejak kecil supaya berlaku jujur dalam percakapan dan perbuatan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿١١﴾

**Yang bermaksud:** “*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ

السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.